

الجامعة

AL-HIKMAH

AKIDAH | TASAWWUF | FALSAFAH | PERBANDINGAN AGAMA

ISU NO. 9

Agama & Falsafah

- Akidah Mencerminkan Keimanan Seseorang
- Santunan Akidah Inklusif Untuk Semua
- Al-Ghazali Tahafut Alfalasifah
- Adab Menuntut Ilmu Membawa Keberkatan Dalam Hidup
- Poetry
- Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Sumbangan Alumni

AKTIVITI PERWADAH :
Travelog Mahabbah Di
Krabi, Thailand

SIDANG EDITOR MAJALAH AL-HIKMAH 2020/2021

PENAUNG

**Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**

PENASIHAT

**Dr Mohd Rosmizi Bin Abd Rahman
Prof. Madya Dr Mohamed Mihlar Bin Abdul Muthaliff
Ustaz Yuseri Bin Ahmad**

KETUA EDITOR

Dr Marina Munira Bt Abd Mutalib

TIMBALAN KETUA EDITOR

Nur Izzati Binti Abdul Ghani

EDITOR

**Mastura Binti Haji Abd Wahab
Mohd A'rif Bin Khalid**

WARTAWAN

**Mohd Luqman Hakim Bin Mohd Nazri
Nik Nurhanin Hayati Binti Anuar
Anis Shalihah Binti Razak**

EDITOR GRAFIK

**Luqman Hakimi Bin Mohd Zaini
Syaza Athirah Binti Sailan @ Sazali
Ahmad Fikri Naim Bin Alilah
Nur Athirah Adriana Binti Mohd Azhar**

DARI SIDANG MEJA EDITOR

Setinggi-tinggi kesyukuran kami ucapkan kehadrat Allah Yang Maha Bijaksana yang mengurniakan kami rezeki masa dan tenaga dalam memperjuangkan agama yang suci ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Rasul akhir zaman yang membawa rahmat kepada sekalian alam serta ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta orang-orang yang mengikut jejak langkahnya sehingga hari akhirat.

Majalah ini merupakan hasil karya para pensyarah dan pelajar Pengajian Akidah & Agama yang menghimpunkan beberapa artikel ilmiah dan separa ilmiah. Penulisan majalah ini bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan dalam kalangan pelajar Pengajian Akidah & Agama dan memberi platform kepada para pensyarah serta pelajar untuk berkarya secara penulisan akademik atau bukan akademik.

Majalah Al-Hikmah edisi kesembilan bertemakan dua cabang utama dalam bidang Pengajian Akidah & Agama iaitu Agama Dan Falsafah yang memberikan pendedahan asas tentang pengenalan falsafah dan kepentingannya serta pengenalan teologi dan kewujudan kepelbagaiannya agama di dunia. Setiap artikel dibahagikan kepada beberapa kolumn seperti Tinta Pensyarah, Kalam Siswa, Jejak Alumni, Aktiviti Pelajar dan Kenali Pensyarah.


Sekalung penghargaan kami ucapkan kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia di atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan majalah ini. Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada Ketua Program dan barisan pensyarah yang banyak membantu memantau proses gerak kerja Majalah Al-Hikmah.

Sehubungan dengan itu, kami di pihak editor Majalah Al-Hikmah mengajak anda semua untuk berkarya dan menjadi sebahagian dari penyumbang hasil penulisan di Al-Hikmah. Anda boleh menghantar karya-karya anda ke alamat e-mel Al-Hikmah iaitu alhikmah.perwadah@gmail.com. Diingatkan juga bahawa penulis bertanggungjawab terhadap penulisan masing-masing dan tidak semestinya penulisan di dalam majalah ini mewakili pihak Fakulti Kepimpinan & Pengurusan mahupun Universiti Sains Islam Malaysia.

Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada barisan sidang editor yang telah bertungkus-lumus menyiapkan majalah daripada awal hingga ia berjaya diterbitkan. Moga usaha ini diberkati dan direhdai Allah dan menjadi antara saham kebaikan di akhirat kelak. Selamat membaca.

ISI KANDUNGAN

Adab Menuntut Ilmu Membawa Keberkatan Dalam Hidup.....	1
Santunan Akidah Adalah Inklusif Untuk Semua.....	5
Resensi Ringkas Ke Atas <i>Tahafut Al-Falasifah</i>	9
Akidah Mencerminkan Keimanan Seseorang.....	13
Travelog Mahabbah di Krabi, Thailand (GISO 2020).....	17
Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.....	20
Read With Heart.....	21
Biodata Alumni.....	22



ADAB MENUNTUT ILMU MEMBAWA KEBERKATAN DALAM HIDUP



Oleh: Dr. Abdul Rashid Bin Abdul Aziz.
Pensyarah Kanan, Program Kaunseling, USIM.

Ungkapan kata “adab dalam menuntut ilmu membawa kepada keberkatan” sering didengari, tetapi apakah itu keberkatan? Keberkatan dalam bahasa yang mudah difahami adalah hidup seseorang yang dilimpahi dengan kebaikan. Dalam erti kata lain, Allah SWT mencukupkan keperluan dan urusannya walaupun dalam keadaan serba kekurangan, manakala jika Allah limpahkan nikmat rezeki yang banyak pula dapat dimanfaatkan bersama orang lain. Di samping itu, Allah turunkan lebih banyak nikmat dan hadirkan rasa tenang serta bahagia. Persoalannya, bagaimana ingin hidup yang berkat? Salah satu jawapannya adalah dengan mengamalkan adab ketika menuntut ilmu.

Adab ini asal praktisnya bermula daripada rumah dan dalam pendidikan adab dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti elemen agama, adat dan

budaya. Hal ini sangat dititikberatkan supaya keberkatan ilmu yang disampaikan oleh seorang guru atau *murabbi* akan melimpahi kehidupan anak didiknya. Jika ditelusuri, adab ini terletak dalam komponen akhlak yang merupakan tiang utama dalam agama Islam. Malah, adab dan akhlak diungkap dalam banyak perkataan yang hampir sama maknanya seperti kesantunan, moral, kesopanan dan kesusilaan.

Dalam cabaran dan realiti yang harus ditempuhi oleh para pendidik pada hari ini antaranya adalah isu adab pelajar yang semakin tipis. Golongan pendidik diibaratkan sebagai lilin yang membakar diri demi menerangi kehidupan orang lain.



Peribahasa Melayu ini menggambarkan kesungguhan serta keikhlasan seorang pendidik yang sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan anak didiknya berjaya dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, apa yang menyediakan adalah seringkali terpapar di dada akhbar maupun media sosial kisah-kisah berkaitan sikap serta layanan buruk pelajar terhadap gurunya.

Terdapat pelajar yang berani mengherdik, melawan arahan dan mengkhianati gurunya dek kerana emosi serta dendam yang tersimpan. Bahkan dalam dunia teknologi dan aplikasi pintar pada hari ini, terdapat pelajar yang membuat fitnah, memuat turun status di media sosial dengan memburuk-burukkan guru mereka. Di manakah letaknya nilai-nilai murni sebagai seorang pelajar yang sedang menimba ilmu bersama guru?



Hakikatnya, ibu bapa memainkan peranan sebagai pendidik di rumah, manakala rakan dan persekitaran juga ibarat pendidik sosialisasi yang seharusnya membentuk adab seseorang. Namun begitu, kegagalan berbuat demikian akhirnya menyebabkan semua pihak meletakkan tanggungjawab utama mengajar dan membentuk akhlak disandarkan kepada pendidik ilmu disekolah dan di institusi pengajian tinggi. Ibarat kata pepatah melayu “melentur buluh biar dari rebungnya” membawa konotasi bahawa ibu bapa perlu menyemai adab sopan menuntut ilmu dan berguru agar ilmu yang diperoleh mendatangkan keberkatan dan

selaras dengan matlamat untuk menuju kejayaan di dunia dan akhirat.

Dalam menuntut ilmu, adab menghormati guru merupakan intipati penting yang perlu ada dalam diri setiap pelajar. Setiap pelajar wajib menghormati gurunya agar ilmu yang dipelajari mendatangkan keberkatan dan keredhaan Allah. Hal ini diungkapkan dalam hadis riwayat Imam Ahmad bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*Bukanlah di kalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua, mereka yang tidak menyayangi anak kecil dan mereka yang tidak memberikan hak kepada guru kami*”. Baginda menyarankan agar memberikan hak kepada guru dengan menzahirkan rasa hormat dan sopan apabila berguru. Sahabat baginda juga amat menghormati Rasulullah dengan merendahkan suara dan tidak memberikan pandangan yang tajam kepada baginda. Situasi ini diperlihatkan dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang memerihalkan bahawa para sahabat bercakap dengan suara yang rendah (bersopan) ketika bertutur dengan Baginda SAW serta tidak menjamkan pandangan mereka (merenung dengan tajam) kerana menghormati Rasulullah.

Memetik kata-kata Ulama tersohor Imam Al-Ghazali dalam karya beliau *Ihya' Ulum al-Din*, di mana beliau juga mengangkat martabat guru dengan

menyatakan “*Sesungguhnya ibu bapa adalah sebab kewujudan seorang anak di muka bumi ini, namun kehidupan ini akan binasa. Sedangkan guru sebab kepada kejayaan abadi seseorang di akhirat yang kekal selamanya*”. Berdasarkan kata-kata Imam Al-Ghazali ini tidak dinafikan bahawa hadirnya guru membawa kejayaan dalam kehidupan setiap individu.



Guru menjadi penyuluhan dalam kegelapan, memberi sinar harapan kepada anak didik untuk terus bangun dan melakar kejayaan dalam kehidupan. Ilmu yang disampaikan menjadi manfaat dan panduan hidup sepanjang zaman dan merungkai setiap kejahilan yang ada dalam diri. Oleh itu, pentingnya adab berguru diperlakukan selama menuntut ilmu, hal ini ditekankan kerana tingginya martabat seorang guru dalam perjuangan mereka menyampaikan ilmu kepada anak didik.

Jika diteladani dari golongan salaf umpamanya, mereka amat menghormati para guru. Hal ini dapat dilihat dalam kisah Imam Syafie RA menuntut ilmu bersama Imam Malik di mana beliau tidak berani menyelak helaian kitabnya

melainkan dengan cara yang amat perlahan kerana bimbang bunyi yang terhasil boleh mengganggu ketenteraman gurunya. Bagaimanapun, tika ini kita dapat lihat berlakunya kesongsangan dalam aspek menghormati guru. Majoriti pelajar yang lulus dengan cemerlang dalam prestasi akademiknya tidak melihat kejayaan mereka adalah hasil paduan ilmu dan keberkatan dari para guru yang mendidik mereka. Akhirnya kejayaan yang diperoleh hanya memenuhi tuntutan intelek sistem pendidikan, namun gagal dalam aspek pembinaan jati diri dan akhlak mulia yang menjadi salah satu dokongan utama dalam falsafah pendidikan kebangsaan negara.



Seiring dengan peredaran zaman, jiwa manusia juga dilihat turut berubah. Bahkan, dalam arus kecanggihan teknologi dan kemewahan infrastruktur pembelajaran memberi impak serta cabaran terbesar kepada pelajar. Justeru, setiap pelajar harus sedar dan peka dengan permasalahan ini. Meskipun pembelajaran secara dalam talian menjadi medium utama pengajaran dan pembelajaran masakini telah menyebabkan

perhubungan dan perjumpaan fizikal tidak berlaku, sebaliknya itu bukanlah pra syarat untuk tidak menghormati pendidik dan para guru. Ibu bapa juga harus memainkan peranan yang penting mengemudi nilai-nilai murni dalam diri anak mereka. Hakikatnya, sebagai seorang pelajar, resepi kejayaan yang sebenar datang dari rasa hormat kepada guru yang disemat dengan teguh di dalam hati, fokus sepenuh perhatian semasa sesi pembelajaran dan mengelakkan perkara yang boleh mengundang kelalaian seperti melayari media sosial atau permainan aplikasi telefon pintar dalam jangkamasa yang lama. Selain itu, setiap teguran atau nasihat yang baik disampaikan oleh seorang pendidik perlu diambil tanpa membantah. Hal ini kerana, setiap teguran tersebut adalah untuk kebaikan diri pelajar itu sendiri. Dengan kecanggihan teknologi komunikasi yang wujud kini, pelajar juga tidak seharusnya menjadikan platform medial sosial untuk memuatnaik status atau video yang bertujuan untuk menghina dan mengecam guru. Ini hanya menyebabkan hilangnya keberkatan dalam proses menuntut ilmu. Pelajar juga digalakkan untuk

mendoakan kesejahteraan guru-guru yang mendidik mereka sebagai satu tanda penghargaan atas pengorbanan yang telah dicurahkan. Konklusinya, untaian bait warisan nusantara "...berguru kepalang ajar, bagi bunga kembang tak jadi" membawa laras makna mendalam bahawa menuntut ilmu itu bukan sekadar main-main dan bukan bermatlamat sekadar tercatat cemerlang di sijil mahupun mencapai purata matagred yang tinggi sahaja, tetapi ia satu tuntutan utama yang berkait dengan soal keberkatan. Sehubungan itu, setiap aspek perlu dijaga bagi membawa keberkatan ilmu dalam kehidupan sekali gus membentuk potensi diri yang optimum dan pembangunan nilai diri yang seimbang.

"Sesungguhnya ibu bapa adalah sebab kewujudan seorang anak di muka bumi ini, namun kehidupan ini akan binasa. Sedangkan guru sebab kepada kejayaan abadi seseorang di akhirat yang kekal selamanya."

SANTUNAN AKIDAH ADALAH INKLUSIF UNTUK SEMUA



Oleh: Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi
bin Wan Razali
Pensyarah Kanan, Program
Pengajian Akidah dan Agama,
USIM

“Mesej Islam ini sebenarnya untuk siapa? Untuk kita sahaja ke?” Inilah soalan pertama yang saya terima daripada sahabat dan guru saya, Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus, lebih belasan tahun dahulu. Saya sebenarnya kurang faham dengan soalan umum begini.



Bagaimana mungkin seorang ustaz atau seorang pensyarah kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah bertanya soalan mudah begini? *Quo vadis* atau mahu ke mana sebenarnya?

Jawab saya: “Islam ini mesejnya adalah rahmat buat sekalian alam. Untuk manusia, jin, tumbuh-tumbuhan, bukit-bukau, langit, bulan, bintang dan alam ini semuanya. Kita semuanya dari hari *alastu* (rujuk surah al-A’raf 7: ayat 172) sudah pun Muslim dan Hanif. Cuma bila tiba ke dunia, ada yang lalai dan lupakan hakikat tauhid ini.” Sampai di sini, sahabat saya ini terus menyatakan soalannya dengan tuntas. “Bagaimana pula kepada mereka yang kelainan upaya atau kurang upaya? Bagaimana pula dakwah kepada mereka? Yang buta, pekak dan bisu? Apakah tanggungjawab dakwah kita kepada mereka?”.



Soalan sahabat saya ini memang sangat padu dan sangat membuka mata. Jika kita dah sampaikan mesej Islam kepada mereka yang sempurna anggota, bagaimana pula dengan mereka yang OKU atau orang kurang upaya ini? Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah banyak kali mengadakan program dakwah dan *Islamic*

outreach kepada pelbagai kategori mad'u. Kita telah santuni ramai orang asli, penagih dadah, masyarakat berbilang bangsa, golongan gelandangan, anak-anak yatim, asnaf faqir dan miskin, masyarakat antarabangsa dan banyak lagi. Hal ini mengingatkan saya kepada *sabab nuzūl* surah *‘Abasa* 80: ayat 1 – 12 yang maksudnya seperti berikut: “Dia memasamkan muka dan berpaling, (1) Kerana dia didatangi orang buta. (2) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)! (3) Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. (4) Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran), (5) Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. (6) Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). (7) Adapun orang yang segera datang kepadamu, (8) Dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah); (9) Maka engkau berlengah-lengah melayaninya. (10) Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi). (11) Maka sesiapa

yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah dia mengambil peringatan daripadanya. (12)”



Menurut *Imām al-Mufassirīn*, Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam tafsirnya, ayat-ayat ini diturunkan bersempena teguran yang telah Allah berikan kepada kekasihNya SAW. Ayat-ayat ini sangat mendalam maksudnya dan meminta agar umat Islam seluruhnya sentiasa bersifat inklusif, objektif serta penyayang kepada para mad'u. Ketika mana Rasulullah SAW sedang memberikan penjelasan mengenai Islam kepada beberapa ketua kaum Quraisy, seperti Utbah bin Rabi'ah, Abu Jahal dan Abbas bin Abdul Mutalib, telah datang seorang buta bernama Abdullah bin Ummi Maktum r.a. Ibnu Ummi Maktum r.a. yang buta ini masuk ke dalam majlis Rasulullah SAW dan meminta agar diberikan penjelasan mengenai beberapa ayat al-Quran. Mungkin kerana merasa terganggu dengan permintaan Ibnu Ummi Maktum r.a. ini, maka wajah Baginda SAW masam dan berpaling daripada

menunaikan permintaannya. Setelah itu, Allah SWT pun menurunkan ayat-ayat daripada Surah ‘Abasa ini kepada Nabi SAW.



Penurunan ayat-ayat itu tadi bukan sahaja menyedarkan Rasulullah SAW mengenai kekhilafannya, malah menjadikan Baginda SAW sangat menyayangi Ibnu Ummi Maktum r.a. Malah dari sudut akidah juga, *sabab nuzūl* dan kandungan ayat-ayat ini juga membuktikan bahawa al-Quran al-Karim adalah *tanzīl* daripada Allah SWT, bukannya ciptaan Nabi SAW, *walۢiyādhu billāhi min dhālik*. Masakan ada seorang penulis atau pereka cerita yang hendak mereka-reka cerita yang memburuk-burukkan dirinya sendiri dalam *magnum opusnya*? *Magnum opus* atau rekaan Nabi Muhammad SAW? Tidak! Al-Quran al-Karim bukan rekaan Nabi Muhammad SAW dan kisahnya bersama Ibnu Ummi Maktum ini adalah benar-benar berlaku untuk teladan dan ibrah kita bersama.



Hari ini di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kita sudah memiliki Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) yang berfungsi untuk menyantuni hal-ehwal dakwah dan keperluan khas masyarakat orang kurang upaya ini. Beberapa staf, pensyarah dan pelajar FKP telah dijemput untuk terlibat sama dalam pelbagai peringkat projek santunan dakwah ini. Pada pertengahan September 2020, kesemua sukarelawan dakwah OKU ini telah berbengkel secara bersemuka di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi bagi menyusun dan menyemak beberapa istilah dan bahasa isyarat untuk kegunaan pengajaran akidah kepada golongan OKU cacat pendengaran. Pada tahun ini pula, sebuah bengkel dalam talian telah diadakan pada akhir Februari untuk melihat kemajuan kerja Pembangunan Istilah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). untuk keperluan Akidah bagi OKU Pekak Muslim.

Pada 25 Mac 2021, Khamis, jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang, pihak ILIM telah menganjurkan Bengkel

Penyelarasan Glosari Bahasa Isyarat Islam (Akidah dan Ibadah) Bagi Golongan Kurang Upaya (OKU) Pendengaran. Dalam bengkel ini, kesemua sukarelawan dakwah OKU ini telah bermuzakarah bersama-sama beberapa ahli panel pakar Akidah dan Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini dibuat bagi memastikan kualiti dan tujuan utama daripada kerja-kerja penyelarasan ini dapat dicapai. Keunikan kerja dakwah OKU ini sangat ketara. Jika dengan masyarakat bukan OKU, urusan komunikasi adalah lebih mudah dan lancar kerana tidak ada cabaran masalah pendengaran, penglihatan mahu pun percakapan. Bayangkan bagaimana kemahiran komunikasi dakwah yang perlu dikuasai oleh seorang da'i kepada masyarakat OKU? Pelbagai kemahiran lain seperti kemahiran psikologi, sosiologi dan pendidikan turut diperlukan untuk memastikan mesej utama dakwah dapat disampaikan dengan sempurna. Dalam konteks Pembangunan Istilah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk keperluan Akidah bagi OKU Pekak Muslim pula, cabarannya sangat terasa apabila hendak menyampaikan kefahaman

akidah dalam perkara-perkara berkaitan metafizik, *ghaibiyāt* dan abstrak.



Bagaimana agaknya menyampaikan dakwah berkenaan sifat-sifat dan perbuatan Allah SWT, azab neraka dan nikmat syurga kepada golongan OKU ini? Bagaimana pula hendak menjelaskan kewujudan malaikat, jin dan perkara-perkara ghaib lainnya dalam bentuk yang mudah mereka fahami dan tidak tersasar daripada panduan wahyu? Kesemua ini memerlukan ikhtiar, kreativiti dan inovasi daripada para da'i seperti kita semua. Santunilah mereka semua. Mari kita sama-sama jayakan dakwah secara inklusif kepada semua lapisan masyarakat. *Rabbunā yusahhil. Amīn.*

RESENSI RINGKAS KE ATAS TAHĀFUT AL-FALĀSIFAH



Oleh: Dr. Mohd Hamidi Ismail
Pensyarah, Program Pengajian
Akidah dan Agama, USIM

Imam al- Ghazālī atau nama sebenar beliau Abū Ḥāmid Aḥmad bin Muḥammad (m. 505H) merupakan sarjana ulung dunia Islam yang memiliki karya dalam pelbagai bidang ilmu, turut mempunyai pendirian khusus terhadap bidang Ilmu Falsafah. Selain menulis *Maqāṣid al-Falāsifah* yang menghuraikan asas-asas pemikiran failasuf khususnya merujuk kepada Ibnu Sīnā (m. 427H) dan seangkatannya, Imam al-Ghazālī turut menulis *al-Munqidh min al-Ḍalāl* dan *Tahāfut al-Falāsifah* yang menjelaskan kepincangan yang terdapat dalam Ilmu Falsafah.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keseluruhan Ilmu Falsafah merbahaya dan menyesatkan, sebaliknya beberapa tafsiran dan pemahaman dalam ilmu tersebut boleh memberi kekeliruan kepada umat Islam. Oleh yang demikian,

Imam al- Ghazālī membenarkan umat Islam mempelajari Ilmu Falsafah dalam skopnya yang tertentu iaitu *al-riyāḍiyāt* (*mathology*), *al-handasāt* (geometrik) dan *al-manṭiqiyāt* (logik). Sementara dalam bahagian *al-ilāhiyyāt* (*theology*) dan *al-ṭabī'iyyāt* (fisiologi), Imam al-Ghazālī melarang memahaminya mengikut pemahaman failasuf bahkan Imam al- Ghazālī mengkritik pemahaman mereka sehingga sampai ke tahap mengkafir dan membidaahkan. Sungguhpun begitu, kritikan yang dilakukan itu telah dilakukan dengan cermat oleh Imam al- Ghazālī setelah beliau mengelasifikasi kesalahan-kesalahan failasuf kepada usul dan cabang.

Mengenai penulisan *Tahāfut al- Falāsifah*, judul kitab ini sahaja sudah cukup menjelaskan tujuan Imam al-Ghazālī menulisnya. Kombinasi perkataan ‘*tahāfut*’ yang bermaksud ‘sifar makna’ atau ‘gugur faedah’ dengan perkataan ‘*falāsifah*’ yang bermaksud ‘ahli-ahli falsafah’ menggambarkan kerencatan pemikiran failasuf dalam mengemukakan pandangan mereka. Imam al-Ghazālī menyaksikan sendiri kerencatan terbabit pada zamannya yang mana pada ketika itu perkembangan Ilmu Falsafah menyebabkan umat Islam yang terpengaruh dengan

pemikiran failasuf mengemukakan pandangan yang menyalahi ajaran Islam malah ada yang tidak selari dengan asas akidah Islam. Situasi ini menyebabkan Imam al- Ghazālī terpanggil untuk memperbetulkan keadaan sepetimana beliau sebelumnya terpanggil memperbetulkan pandangan dan pengaruh Mu'tazilah ke atas pegangan umat Islam. Inisiatif yang diambil oleh Imam al- Ghazālī ini sangat tepat pada masanya sepetimana digambarkan oleh Imam Tāj al- Dīn al-Subkī "bagi segera melawan para failasuf [pada ketika itu] adalah sangat diperlukan seperti [selubungnya] kegelapan memerlukan pelita yang menerangi langit, sangat diperlukan seperti [gersangnya] kemarau memerlukan titisan-titisan air hujan".



Apabila dikatakan Imam al- Ghazālī sahaja mendepani pengaruh failasuf seperti menyatakan kepada kita hanya beliau sahaja berbuat demikian dan tidak ilmuwan sebelumnya. Ini adalah kerana mereka (ilmuwan) mendepani kelompok atau individu yang berfahaman sesat secara umum, sama ada mereka mengikut fahaman failasuf atau ateis.



Mereka tidak mempunyai metodologi dan identifikasi yang jelas sepetimana yang direkodkan oleh Imam al- Haramayn dalam *Irshād* tentang kelompok yang mengimani baharu alam tanpa pemula. Menurut Imam al- Haramayn, kelompok ini meyakini bahawa alam ini berterusan mengalami kewujudan dan kebinasaan secara kekal, tanpa berlaku kejadian selainnya dan Imam al- Haramayn tidak menjustifikasi apakah pola pemikiran dan kecenderungan kelompok tersebut. Berbeza dengan zaman Imam al- Ghazālī, pengikut fahaman failasuf telah mempunyai sandaran mereka tersendiri khasnya seperti Ibnu Sīnā, al-Farābī dan al-Kindī. Mereka turut memiliki metodologi khusus dan dapat dikenal pasti fahaman mereka dengan jelas sehingga Imam al- Ghazālī sendiri menegaskan di dalam *al- Munqidh* sesungguhnya beliau tidak mengenal seorang pun daripada ulama sebelumnya yang menumpukan perhatian terhadap Ilmu Falsafah dan mengkritiknya sebagaimana yang beliau lakukan.

Pengalaman Imam al- Ghazālī mengkritik pemikiran failasuf bukan suatu pengalaman


baru yang berbeza daripada pengalamannya mengkritik pemikiran aliran lain, khasnya Mu'tazilah. Terdapat persamaan antara pemikiran kedua-dua kelompok ini dalam banyak isu, antaranya isu membatalkan ‘pandangan failasuf tentang Allah tidak mengetahui tentang keperincian hal-hal baharu’. Pandangan ini telah ditemui daripada Hishām bin al-Ḥakam al-Rāfiḍī yang mengatakan Allah mengetahui tentang perkara baharu dengan baharunya maklumat. Imam al- Ghazālī telah membungkam pandangan terbabit begitu juga pandangan Hishām yang diguna-pakai oleh failasuf berkenaan kaitan sandaran alam pada Allah sebagai sandaran kesan pada sebab yang menatijahkan ‘apabila Allah tidak menghendaki sesuatu maka Dia tidak mengetahui tentangnya’. Kelebihan Imam al- Ghazālī dalam hal ini sangat terserlah, oleh yang demikian beliau berjaya membatalkan pandangan failasuf dengan cemerlang. Apa yang memberikan kelebihan tersebut kepada Imam al- Ghazālī ialah keikhlasan beliau dalam menjaga agama dan kebijaksanaan beliau yang berhasil daripada ketekunan dan hemah yang tinggi dalam menuntut ilmu. Selain itu, sikap terbuka dan mengambil faedah daripada pendekatan ilmuwan silam sama ada beraliran Ashā'irah atau lainnya yang

memenuhi piawaian syariat Islam. Menurut Dr. Muḥammad Yūsuf, selain Imam al-Haramayn, Imam al- Ghazālī juga merujuk al-Khayyāt, Abū Muḥammad bin Hazim al-Zāhirī dan lain-lain dalam berhujah mendepani pemikiran failasuf.



Justeru, apakah Imam al- Ghazālī hanya menjelaskan kepincangan pemikiran failasuf dan mengkritiknya atau lebih daripada itu dalam *Tahāfut al-Falāsifah*? Daripada penelitian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji karya terbabit, Schmoslders berpendangan kritikan Imam al- Ghazālī di dalam karyanya itu sampai kepada mendedahkan pertembungan aliran falsafah di antara satu dengan yang lain dan bukan hanya menyalahi akidah Islam. Adapun Monk, beliau pergi lebih jauh daripada Schmoslders dengan berpendapat Imam al- Ghazālī bukan sahaja mengkritik pemikiran pincang failasuf malah meruntuhkannya dengan hujah-hujah yang tajam. Menurut Dr. Muḥammad Yūsuf Mūsā, Imam al- Ghazālī berbuat demikian kerana beliau mendapati para failasuf muslim seperti al-Farābī dan Ibnu Sīnā telah meninggalkan panduan agama dan lebih cenderung kepada huraian failasuf-failasuf silam

seperti Socrates, Plato dan Aristotles dalam huraian terhadap konsep-konsep yang menyentuh kandungan agama seperti teologi dan fisiologi.



Ini bermakna Imam al-Ghazālī telah berjaya mengesan huraian failasuf silam terbabit sebagai punca kepincangan dalam pemikiran masyarakat Islam justeru beliau menumpukan kritikan terhadap huraian tersebut. Ternyata beliau tidak memusuhi – mengkafirkan – failasuf muslim (al-Farābī, Ibnu Sīnā) disebabkan oleh kecenderungan mereka seperti yang disalah fahami oleh Carra de Vaux sekalipun Imam al-Ghazālī merujuk huraian failasuf-failasuf silam itu daripada keterangan-keterangan failasuf muslim.

Meskipun tidak mengkafirkan, Imam al-Ghazālī tidak melepaskan failasuf muslim daripada melakukan kesalahan. Beliau memperingatkan masyarakat tentang kesalahan failasuf muslim cenderung kepada huraian failasuf-failasuf silam daripada Yunani kuno yang boleh menjadikan masyarakat awam keliru dan membawa mereka kepada kesesatan. Hal ini dilihat mustahak oleh Imam al-Ghazālī, oleh yang demikian

beliau menggunakan pernyataan-pernyataan tegas bagi menghindari orang ramai mendekati pemikiran failasuf muslim seperti “mereka adalah golongan yang diperbodohkan”, “mereka menyihir daripada jalan Allah yang sebenar”, “setengah daripada pandangan mereka adalah kelam lebih daripada kekelaman yang biasa” dan banyak lagi.

Demikian kita menyaksikan Imam al-Ghazālī bukan sahaja menjelaskan kepincangan pemikiran failasuf dan mengkritiknya akan tetapi turut menyediakan jalan keluar daripada belitan falsafah bagi mereka yang terpengaruh.



Selain itu juga, beliau mengajar kita bersikap peka dan bertanggungjawab terhadap bahan-bahan yang kita kaji dan kritik kerana ini mengukur sejauh mana amanah, bijaksana dan berakhhlaknya kita dalam kajian ilmiah. Beginilah sikap yang yang ditonjolkan oleh Imam al-Ghazālī ketika mengkritik kecenderungan failasuf muslim dengan tanpa menghukumkan mereka terkeluar daripada agama Islam sekalipun menghimpunkan pemikiran asal daripada failasuf-failasuf silam di dalam perkara-perkara yang menyalahi akidah Islam.

AKIDAH MENCERMINKAN KEIMANAN SESEORANG



Oleh: Rafiuddin Bin Mohd Yusof
Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan,
Unit Hal Ehwal Islam, UITM
Kampus Segamat Johor.

Manusia diciptakan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini bersama-sama dengan makhluk yang lain sebagai tanda bukti kekuasaan Tuhan Yang Maha Berkuasa atas segala-galanya. Sudah tentu sebagai seorang yang beriman, kita hendaklah sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepada kita sebagai hambanya. Lebih-lebih lagi dua nikmat yang cukup besar dan bermakna bagi kita sebagai seorang muslim iaitu nikmat Iman serta nikmat Islam. Bersyukur kita kepada Allah SWT sekiranya kita dilahirkan sebagai seorang Islam. Begitu juga apabila di kalangan kita memperolehi hidayah untuk memeluk agama Islam walaupun dilahirkan bukan sebagai penganut Islam. Akan tetapi mereka beruntung kerana berkesempatan untuk bersama-sama dengan kita dalam agama yang cukup mulia ini. Berapa


ramai lagi manusia di dunia ini yang masih belum menemui hidayah untuk memeluk Islam? Bersama-sama lah kita berdoa agar agama Islam yang diredhai oleh Allah SWT ini akan terus berkembang dari semasa ke semasa. Firman Allah SWT yang bermaksud, " Sesungguhnya agama yang diredhai oleh Allah ialah Islam..." (Surah Ali-Imran: 19).

Sebagai seorang yang beriman, kita seharusnya memelihara akidah masing-masing dengan sebaiknya. 5 Rukun Islam yang merupakan penyaksian Allah Maha Esa dan Ibadah Wajib bagi setiap umat Islam merangkumi Solat Fardhu 5 waktu sehari, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan mengerjakan Haji bagi mereka yang mampu.



Selain itu juga, dalam memastikan iman kita terus terpelihara dengan sempurna, kita perlu menyakini serta beriman kepada 6 Rukun Iman. Sewajarnya kita menghafal dan meyakini sebenar-benarnya agar menjadi pedoman dalam kehidupan kita iaitu percaya kepada Allah SWT, percaya kepada Malaikat, percaya kepada

Rasul, percaya kepada kitab Allah, percaya kepada hari kiamat dan percaya kepada qada' qadar. Kedua-dua rukun Islam dan iman ini sudah tentu berkait rapat dengan kita sebagai seorang Muslim yang bertaqwa kepada Allah SWT.



Dalam kehidupan seharian, kita perlu sentiasa berwaspada dalam tingkah laku dan percakapan yang terhasil daripada diri sendiri. Ini adalah kerana jika kita tersalah langkah mahupun tersilap dalam tutur bicara, sudah tentu akan memberi kesan kepada akidah kita sama ada kita sedari atau tidak. Termasuklah apabila kita menyandarkan sesuatu itu selain kepada Allah SWT walaupun bagi kita, hanya sekadar percakapan biasa. Sebagai contoh yang boleh diambil adalah berkaitan dengan seseorang dan ubat-ubatan. Kita sering mendengar apabila seseorang itu sakit dan sudah tentu akan diberikan ubat untuk dimakan bagi menghilangkan atau mengurangkan rasa sakit tersebut. Namun, kesilapan yang sering dilakukan apabila kita menyebut seperti, "Nasib baik ada ubat ini, rasa lega sakit ini." Atau "Mujur ubat ini masih ada,

kalau tidak mungkin penyakit ini akan melarat." Sedangkan sesuatu kesakitan dan kesembuhan itu adalah datang daripada Allah SWT. Apabila kita tidak berwaspada dalam tutur bicara, dikhuatiri akan menjelaskan atau menganggu akidah kita walaupun bukan akidah yang besar, tetapi sangat penting dalam mengukuhkan keimanan kita.

Dalam hal yang lain pula, akidah perlu dipelihara dengan sebaiknya daripada terjerumus ke lembah maksiat dengan menyekutukan Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa. Walaupun dunia telah melangkah ke zaman yang boleh disebut sebagai dunia serba canggih disebabkan teknologi yang semakin maju, masih ada di kalangan masyarakat yang mengamalkan perkara-perkara yang syirik sekaligus menyandarkan sesuatu selain Allah SWT.



Amalan-amalan ilmu hitam, menyembah sesuatu selain Allah, menggunakan tangkal sebagai pelindung diri dan sebagainya merupakan perkara syirik yang haram di sisi agama Islam. Firman Allah SWT, "Sesungguhnya Allah tidak akan

mengampunkan dosa syirik mempersekuatunya (dengan sesuatu apa ju) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya) Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain) maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.” (Surah An-Nisa’: 48). Memilih jalan singkat dan mudah terpengaruh, menjadi punca kebanyakkan individu terjebak dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan syirik.



Sedangkan dalam Islam kita diajar untuk merujuk sumber yang sahih & tidak bercanggah dengan syariat. Kadang kala kita telah mengetahui perbuatan sebeginu salah, namun kerana lemahnya pendirian diri maka kita turuti juga hasutan syaitan yang sudah tentu mahu menyesatkan kita serta memastikan kita lupa kepada Pencipta Yang Maha Berkuasa. Janganlah mudah terpedaya dengan hasutan yang boleh membawa kita melakukan dosa-dosa besar sebeginu. Sekali kita terpaut, tiada jalan lain melainkan taubat nasuha adalah jalan penyelesaiannya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,” Wahai seklaian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnah NabiNya (Sunnah Nabi SAW)” (Hadith Riwayat Al-Baihaqi)

Oleh yang demikian, nilai-nilai Islam itu perlu diterapkan dalam kehidupan sehari-hari agar akidah itu dapat dijaga dengan sebaiknya. Sentiasa berwaspada dengan ancaman lidah yang kadang kala kita sendiri tidak menyedari dengan ungkapan yang berhasil daripada lisan kita sendiri. Bak kata pepatah, kerana mulut badan binasa. Maka sebagai seorang Muslim, kita perlu berfikir dengan waras terlebih dahulu sebelum bertindak dalam sesuatu perkara. Hal ini adalah penting agar kita tidak mudah menjerumuskan diri ke arah yang bertentangan dengan akidah dan faham yang sebenar. Berpeganglah kepada akidah ahli *Sunnah Wal Jamaah* sebagai sumber fahaman kita agar tidak timbul salah faham di kalangan masyarakat dan juga sesama kita. Tuntutlah ilmu daripada seseorang yang mempunyai kepakaran dan ilmu berkaitan kefahaman akidah sekiranya kita tidak megetahui hal-hal yang berkaitan.



Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kita daripada menerima sumber yang salah atau meragukan. Firman Allah SWT yang bermaksud,” *Dan tidaklah Kami mengutuskan rasul-rasul sebelum kamu (Wahai Muhammad) melainkan daripada kalangan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu, bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.*” (Surah Al-Nahl: 43).

Sehubungan dengan itu, sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT yang berpegang kepada aliran akidah ahli Sunnah Wal Jamaah seharusnya menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai rujukan utama dalam sesuatu perkara. Janganlah kita dengan mudah menentukan sesuatu hukum atau mengeluarkan sebarang kenyataan tanpa merujuk kepada sumber yang sahih atau individu yang memiliki kelayakan serta kefahaman yang berkaitan. Janganlah di kalangan kita juga, menyebarkan sesuatu berita yang tidak pasti akan kesahihannya sehingga

mencetuskan kefahaman yang pelbagai di kalangan masyarakat. Peliharalah agama Islam dengan sebaiknya kerana Allah SWT telah mengatur kehidupan kita sebaiknya sebagai Islam. Jangan putus asa untuk terus memahami Islam dengan sebaiknya walaupun kita dilahirkan dalam Islam. Namun kita haruslah terus mempelajari ilmu-ilmu dalam memperkasakan agama sendiri demi memantapkan akidah sedia ada.



Malaysiakini-Syukri Ariffin

Firman Allah SWT yang bermaksud,” *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu daripada jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*” (Surah Al-An’am: 153)

Travelog Mahabbah di Krabi, Thailand (GISO 2020)

Oleh: Mohd Anuar Bin Ag Damit,
Mahasiswa Program Akidah dan
Agama, USIM.

KRABI THAILAND, 30 JANUARI - seramai 17 orang mahasiswa daripada Program Pengajian Akidah dan Agama tahun 4 telah mengadakan kunjungan kepada masyarakat Islam di Krabi Thailand selama 6 hari, 5 malam bermula pada 25 Januari. Kunjungan ini dinamakan Travelog Mahabbah di Krabi Thailand yang diketuai oleh saudara Mohd Anuar Bin Ag Damit dan seorang guru pengiring iaitu Dr. Marina Munira Binti Abdul Mutalib.

Penduduk beragama islam di Thailand merupakan kumpulan minoriti yang mewakili sekitar 4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Thailand. Namun begitu, 46 peratus daripada angka itu berada di Krabi yang mana antara kegiatan ekonomi utama daerah ini berasaskan pelancongan. Antara industri yang agak terkenal di Krabi yang sempat kami lawati adalah industri pengeksportan

gajus. Menurut pengusaha kilang gajus yang kami lawati, beliau berkata bahawa industri ini membuka banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan seterusnya memberi sumbangan yang agak besar kepada perkembangan ekonomi Thailand.

Global Islamic Student Outreach (GISO) yang mensasarkan libatsama mahasiswa bersama masyarakat di peringkat antarabangsa memberi peluang kepada kami untuk berkenalan bersama pelajar-pelajar pondok peringkat menengah dan rendah, Anubarn Wangthong. Perkongsian dan penglibatan para pelajar sepanjang aktiviti yang kami jalankan serba sedikit memberi motivasi kepada mereka untuk terus berusaha menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Sesi perkongsian dan aktiviti-aktiviti sukaneka yang kami jalankan diadakan sebanyak dua sesi dalam masa dua hari. Encik Rushdy Thaokloy selaku pengetua Sekolah Anubarn Wangthong menyatakan dalam ucapan penutupan program bahawa beliau amat berbesar hati atas kunjungan ringkas pihak USIM ke sekolah beliau dalam memberi ransangan semangat kepada para pelajar dan anak didik di bawah jagaan beliau. Skop GISO bukan terhenti pada perkongsian ilmiah sahaja, malah kami juga turut menyumbangkan sumbangan material untuk



memenuhi keperluan-keperluan seharian dan ibadah kepada masyarakat Muslim disana seperti sejadah, telekung, makanan asasi kepada 20 keluarga termiskin dan pakaian terpakai kepada 70 orang penduduk Kampung Baan Khao Fark yang kami bawakan daripada Malaysia. Misi GISO kami adalah meringankan dan membantu seberapa yang boleh bagi memudahkan kehidupan para penduduk kampung yang kurang bernasib baik untuk terus beristiqamah dalam mengabdikan diri kepada Sang Pencipta. Hal ini kerana Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda bahawa “kemiskinan itu dekat kepada kekuatan.”



Imam Surau Kampung Baan Khao Fark dalam ucapan beliau mengharapkan agar aktiviti-aktiviti seperti yang telah kami jalankan di kampung Baan Khao Fark tempoh hari diperbanyakkan lagi daripada pihak USIM, kerana menurut beliau kehadiran kami menginspirasikan generasi muda di kampung untuk menjadi lebih baik. Pada hari yang sama kami sempat berkongsi resepi masakan Malaysia iaitu Kurma

Ayam. Penduduk kampung begitu bersemangat membantu proses penyediaan dan pengagihan makanan kepada penduduk kampung yang menyertai program kami pada hari tersebut.



Travelog Mahabbah kami turut melawat pulau yang berdekatan di sekitar Pantai Ao Nang seperti di Pantai Railey yang berada di sebuah pulau tidak begitu jauh dari Pantai Ao Nang bagi memenuhi objektif GISO kami. Keterujaan menaiki bot sekitar 25 minit seakan tidak terasa kerana disajikan dengan pemandangan lautnya yang indah. Peluang untuk *Scuba Diving* di kawasan laut yang sangat cantik tidak akan dapat kami lupakan.



Sehubungan dengan itu, kumpulan travelog kecil ini dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung berharap agar segala usaha yang dicurahkan diterima masyarakat secara positif. Gerak kerja

proaktif seperti ini diimpikan agar diteruskan sehingga ke delegasi terkemudian oleh mahasiswa USIM. Moga usaha dan niat murni ini ada nilainya dimata manusia dan disisi Allah hendaknya. Menyumbanglah dengan apapun supaya amal kebaikan tidak terhenti sampai di sini sahaja.

“Misi GISO kami adalah meringankan dan membantu seberapa yang boleh bagi memudahkan kehidupan para penduduk kampung yang kurang bernasib baik untuk terus beristiqamah dalam mengabdikan diri kepada Sang Pencipta.”



Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Oleh :Mastura binti Haji Abd Wahab, Mahasiswa Sarjana Sains Sosial, USIM.

Islam adalah agama yang dianuti oleh pelbagai kaum, bangsa dan keturunan. Islam juga menitikberatkan sifat toleransi (*tasāmuḥ*), kerjasama (*ta‘āwun*) dan kasih sayang (*maḥabbah*) sesama manusia juga kepada makhluk lain. Oleh itu, agama Islam merupakan agama yang sangat mulia di sisi Allah swt. Tidak ada agama lain atau perkara lain yang dapat menandingi ketinggian Islam. Sabda Rasulullah saw: ﴿إِلَّا مِنْهُ يَعْلَمُ وَلَا يَعْلَمُ﴾. Maksudnya: Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya.



Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. Ia mengandungi 15 bahagian, 183 Perkara dan 13 jadual. Perkara 3(1) dalam perlembagaan menyatakan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan

damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Hal ini bertujuan bagi menjamin kedudukan orang bukan Islam serta menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia.



Hal ini juga menunjukkan adanya konsep toleransi beragama antara kaum di Malaysia. Peruntukan-peruntukan lain mengenai Islam dalam perlembagaan adalah seperti Perkara 3(3) iaitu Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua bagi agama Islam di seluruh negara. Perkara 11(4) pula berhubung sekatan dan kawalan pengembangan kepercayaan dan doktrin. Perkara ini bermaksud peruntukan kebebasan beragama (Perkara 8) tidak bermaksud bahawa orang bukan Islam boleh sewenang-wenangnya menyebarkan dakyah atau doktrin agama mereka kepada orang Islam di Malaysia. Selain itu, Perkara 12(2) menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri boleh memperuntukkan perbelanjaan dari segi kewangan dan juga bantuan lain kepada institusi-institusi Islam. Agama seseorang yang di bawah umur lapan belas

READ WITH HEART

*The moment you decide to read,
is the moment you open your
heart
to relate it to your own life
simultaneously.
You feel the excitement and
adventure that nobody can see it.*

*When you are reading,
it took your heart to feel the
happiness in gaining knowledge.
You are enjoying every single
word in your book
that giving you a meaningful
moment of your journey.*

*Read from the bottom of your
heart,
Therefore, you can feel the
empathy of walking in other
people's shoes,
Cause you read a book
and you read with your heart.*

*Reading with your heart,
Always.*

***Nurul Izzah Ahmad Safee(Year 3)
Akidah And Religion Studies.***

tahun hendaklah ditetapkan oleh perlu ibu atau bapanya atau penjaganya menurut Perkara 12(4) dalam perlembagaan. Perkara 121(1A) pula berkaitan bidang kuasa mahkamah syariah.

Akhir sekali, Perkara 150(6A) memperuntukkan bahawa hukum syarak terjamin walaupun ketika berlakunya darurat di Malaysia. Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia sangat penting dan istimewa. Masyarakat bukan Islam perlu menghormati kedudukan Islam di Malaysia kerana undang-undang di Malaysia memberikan kebebasan kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dalam keadaan aman dan damai. Sikap toleransi beragama sangat penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Oleh itu, Islam menitikberatkan sikap ini dalam kehidupan setiap Muslim. Sebagaimana Firman Allah swt dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 8 yang bermaksud: "Allah S.W.T. tidak melarang kamu untuk berlaku adil serta berbuat baik terhadap mereka yang tidak memerangi kamu kerana agama dan (terhadap mereka yang) tidak mengusir kamu dari rumahmu. Sesungguhnya Allah S.W.T. mencintai orang yang adil."



Nama: Nurul Fadzlina Binti Mohd Asri

Alamat: Lot 4838, Kampung Sungai Malai, Mukim Teroi, 06900 Yan Kedah D.A

Tahun pengajian: 2016 hingga 2020
(Batch ke-8 PERWADAH)

Contact number: 013-4305094

Email: fadz.asri11@gmail.com

Status: Bujang

Latar belakang keluarga: Anak ke-4 daripada 5 orang adik beradik. Kedua ibu bapa merupakan seorang guru.

Sumbangan dan pencapaian selama berada di usim / jawatan:

1. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama Kelas Pertama, 2020
2. Panel Forum di Maahad Tahfiz an-Nabawi, Langkawi, 2020.
3. Penceramah di Penjara Alor Setar, 2020.

4. Ahli Jawatankuasa Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama (SIGMA) kali ke-9, 2019.
5. Pertukaran pelajar ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam, 2018.
6. Ahli Jawatankuasa Program "Future Caliph", Sekolah Rendah Tanjong Kindana, Brunei, November 2018.
7. Panel Forum di Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik, Brunei, 2018.
8. Exco Akademik Persatuan Mahasiswa Akidah dan Agama (PERWADAH), USIM, 2017.
9. Finalist Pertandingan Debat Bahasa Melayu Inter-Faculty, 2016

Kerjaya sekarang: Pelajar Sarjana Sepenuh Masa

Moto hidup: “It's your road, and yours alone. Others may walk it with you, but no one can walk it for you” – Rumi

Nasihat @ harapan: Jangan pernah takut untuk gagal. Gagal sekali tidak bererti gagal selamanya. Teruskan berusaha. Manfaatkan segala ruang dan peluang yang ada sebagai seorang pelajar sebaiknya. Gali sebanyak ilmu yang mampu bersama para guru yang hebat di USIM. Majulah PERWADAH untuk ummah ☺

SUMBANGKAN PENULISAN ANDA KEPADAKAMI

MAJALAH AL-HIKMAH

Anda suka menulis?

Anda gemar berkarya?

Tetapi tidak tahu di mana
untuk mengekspresikannya?


Hantarkan karya anda ke:

alhikmahperwadah@gmail.com

Anda juga bebas untuk
menyumbang karya anda
dalam bentu:

- Cerpen
- Ulasan buku/filem
- Assignment
- Penulisan ilmiah
- Tips/Motivasi
- Poems, Karikatur, dll.

AL-HIKMAH
DAERAH | TASAWWUF | FALSAFAH | PERBANDINGAN AGAMA



**TEAM AL-HIKMAH**
**(PERSATUAN MAHASISWA
PENGAJIAN AKIDAH DAN
AGAMA)**

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI

Luqman: +60 11 2425 4959

Anis: +60 11 1932 4480